

Soalan 91 hingga 95

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Tahunan Kelab Alam Sekitar
Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Seri Subang

Sepanjang tahun 2021, Kelab Alam Sekitar Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Seri Subang telah menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik. Aktiviti-aktiviti itu bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan murid. Antara aktiviti tersebut termasuklah pertandingan kitar semula, pertandingan lukis poster, dan pameran "Cintailah Alam Sekitar". Di samping itu, ada juga aktiviti yang dijalankan di luar kawasan sekolah seperti Kem Sahabat Alam. Aktiviti ini diadakan di Kem Warisan Bukit Keluang. Semasa perkhemahan ini dijalankan, para peserta berpeluang untuk menikmati panorama rimba yang cukup mengasyikkan.

Dalam pertandingan kitar semula, murid dikehendaki untuk mengumpulkan barangan terpakai seperti surat khabar lama, tin minuman, botol plastik, dan sebagainya. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menggalakkan murid mengitar semula barangan terpakai.

Selain itu, anggota kelab turut terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat. Antara usaha murni yang dijalankan termasuklah menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan Taman Rekreasi Templer.

Secara keseluruhannya, kami berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2021. Kami amat berterima kasih kepada semua pihak terutama sekali Cikgu Gunalan, selaku guru penasihat Kelab Alam Sekitar. Kami berharap agar kelab ini akan lebih aktif pada masa akan datang.

Laporan disediakan oleh,

28 Disember 2021.

Sim Ying

(CHAN SIM YING)

Setiausaha Kelab Alam Sekitar,
Sekolah Kebangsaan Jenis (C) Seri Subang.

91. Mengapakah Kelab Alam Sekitar menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik?

- A Menjadikan kelab tersebut lebih maju
- B Menarik minat murid menyertai Kelab Alam Sekitar yang kekurangan ahli
- C Menggalakkan murid mengitar semula barangan terpakai
- D Memupuk semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan murid

92. Aktiviti yang diadakan di luar kawasan sekolah ialah

- A pertandingan kitar semula.
- B pertandingan lukis poster.
- C pameran "Cintailah Alam Sekitar"
- D Kem Sahabat Alam.